



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BILANGAN 2/2016

**PENYERAPAN JABATAN PERBEKALAN DAN STOR NEGARA
KE JABATAN PERBENDAHARAAN, KEMENTERIAN KEWANGAN**

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Jabatan Perbekalan dan Stor Negara (JPSN), Kementerian Kewangan diserapkan menjadi salah sebuah Bahagian di Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Penyerapan ini adalah antara inisiatif Kementerian Kewangan bagi penyelarasan (*streamlining*) fungsi Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di Kementerian Kewangan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya melalui penggunaan sumber-sumber yang sedia ada secara optima untuk meningkatkan produktiviti secara lebih '*cost effective*'

Penyerapan JPSN ke Jabatan Perbendaharaan ini akan mula berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2016**. Penyerapan ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan pengurusan tugas dan tanggungjawab di Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya khususnya Jabatan Perbekalan dan Stor Negara (JPSN).

Sebarang maklumat lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Perbendaharaan di talian 2383444 atau melalui emel ppp@treasury.mof.gov.bn

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Raja Berdaulat, Negara Berkat"

[HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD]

Setiausaha Tetap
(Pengurusan & Antarabangsa)
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: KKW/X/104 [A]

Tarikh: 14 Syawal 1437H / 19 Julai 2016M



Pembahagian kepada:

Yang Mulia Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Yang Mulia Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan
Yang Mulia Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama
Yang Mulia Setiausaha Tetap (Pentadbiran & Kewangan) Kementerian Pembangunan
Yang Mulia Setiausaha Tetap (Professional & Teknikal) Kementerian Pembangunan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan
Yang Mulia Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan

Yang Berhormat Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara
Yang Mulia Juruaudit Agung
Yang Mulia Pengarah Biro Kawalan Narkotik
Yang Mulia Pengarah Biro Mencegah Rasuah
Yang Mulia Pengarah Keselamatan Dalam Negeri
Yang DiMuliakan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat
Yang Mulia Pengarah Radio dan Televisyen Brunei
Yang Mulia Pengarah Penerangan
Yang Mulia Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Yang Mulia Pengarah Perkhidmatan Pengurusan
Yang Mulia Pesuruhjaya Polis DiRaja Brunei
Yang Mulia Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Yang Berhormat Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam
Yang Mulia Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Yang Mulia Pengarah Percetakan Kerajaan
Yang Berhormat Peguam Negara
Yang Mulia Pengarah Kehakiman Negara
Yang Mulia Pengarah Perkhidmatan Elektrik
Yang Mulia Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan
Yang Mulia Pengarah Penyelidikan, Jabatan Penyelidikan Brunei

Yang Mulia Jurukira Agung
Yang Mulia Pengawal Kastam dan Eksais DiRaja
Yang Mulia Pengarah Perbekalan dan Stor Negara

Yang Mulia Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan
Yang Mulia Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria
Yang Mulia Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong
Yang Mulia Pesuruhjaya Buruh
Yang Mulia Pegawai Daerah Brunei dan Muara
Yang Mulia Pegawai Daerah Belait
Yang Mulia Pegawai Daerah Tutong
Yang Mulia Pegawai Daerah Temburong
Yang Mulia Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Yang Mulia Pengarah Penjara
Yang Mulia Pengarah Bomba dan Penyelamat
Yang Mulia Pengarah Perhutanan
Yang Mulia Pengarah Perikanan
Yang Mulia Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
Yang Mulia Pengarah Promosi Perindustrian dan Kemajuan Pelancongan

Yang Mulia Pengarah Kemajuan Perumahan
Yang Mulia Ketua Pengarah Kerja Raya
Yang Mulia Pesuruhjaya Perancang Bandar dan Desa
Yang Mulia Pesuruhjaya Tanah
Yang Mulia Juruukur Agung
Yang Mulia Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi



Yang Mulia Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka
Yang Mulia Pengarah Belia dan Sukan
Yang Mulia Pengarah Muzium-Muzium
Yang Berhormat Pengetua Pusat Sejarah
Yang Mulia Pengarah Pembangunan Masyarakat

Yang Mulia Pengarah Laut
Yang Mulia Pengarah Pelabuhan
Yang Mulia Pengarah Penerbangan Awam
Yang Mulia Pengarah Pengangkutan Darat
Yang Mulia Ketua Pos Agung
Yang Mulia Pengarah Kajicuaca